

Nombor Pendaftaran.: 201201031092 (1015578-X)

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN DAN PENYATA KEWANGAN
31 DISEMBER 2021

WAN NADZIR & CO.
Akauntan Bertauliah

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

KANDUNGAN

MUKASURAT

Maklumat Korporat	1
Laporan Para Pengarah	2 – 5
Penyata Para Pengarah	6
Pengakuan Berkanun	6
Laporan Juruaudit	7 – 9
Penyata Pendapatan Komprehensif	10
Penyata Kedudukan Kewangan	11 – 12
Penyata Perubahan Ekuiti	13
Penyata Dana Tabung	14
Penyata Aliran Tunai	15 - 16
Nota-nota Kepada Penyata Kewangan	17 - 44

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

MAKLUMAT KORPORAT

Lembaga Pengarah	: Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir Haji Mohammad Sahar bin Mat Din Puan Sri Noorzhilah binti Mohammed Ali Datuk Dr. Mohd Ghazali bin Md Noor Prof. Dr. Eg Rabiah Adawiah binti Engku Ali Dato Khairul Shahril bin Hamzah Dr. Ridzwan bin Bakar Puan Azizah binti Abdul Rahman Puan Rafe'ah binti Ariffin Encik Abdul Mohsein bin Mohd Shariff
Setiausaha Syarikat	: Fattiadriati binti Mohd Tareh Fatintafrina binti Mohd Tareh
Pejabat Berdaftar	: C-39-G, Star Avenue Commercial Centre Jalan Zuhal U5/178 Seksyen U5 40150 Shah Alam Selangor Darul Ehsan
Pejabat Perniagaan	: No.18, Tingkat 1 Jalan Serambi U8/24 Seksyen U8 Bukit Jelutong 40150 Shah Alam Selangor Darul Ehsan
Juruaudit	: Wan Nadzir & Co. Akauntan Bertauliah

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PARA PENGARAH

Para Pengarah dengan ini membentangkan laporan mereka berserta penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang telah diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2021.

KEGIATAN UTAMA

Aktiviti utama Syarikat ialah untuk menerima sumbangan, mengurus atau membangun harta, aset, tanah atau apa-apa sumbangan wakaf lain dengan bertujuan memenuhi keperluan agama, kebajikan dan pendidikan untuk manfaat komuniti. Aktiviti utama anak Syarikat adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 15 kepada Penyata Kewangan.

KEPUTUSAN KEWANGAN

	Kumpulan RM	Syarikat RM
Kurangan tahun semasa	<u>2,206,966</u>	<u>1,013,004</u>

DIVIDEN

Sebagai syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer, tiada dividen diisythihar atau dibayar.

RIZAB DAN PERUNTUKAN

Tiada sebarang pemindahan material kepada atau daripada rizab atau peruntukan sepanjang tahun kewangan.

SAHAM DAN DEBENTUR

Sebagai Syarikat berhad dengan jaminan tanpa syer, tiada saham diterbitkan. Tiada debentur yang diterbitkan oleh Syarikat pada tahun semasa.

MAKLUMAT BERKANUN BERKENAAN PENYATA KEWANGAN

- a) Sebelum penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat ini disediakan, para Pengarah telah mengambil langkah-langkah yang wajar bagi memastikan:-
 - i. bahawa tindakan sewajarnya telah diambil berhubung dengan penghapusan hutang lapuk dan penyediaan peruntukan hutang ragu dan telah berpuas hati bahawa peruntukan hutang ragu telah dibuat secukupnya dan tiada hutang lapuk yang perlu dihapuskira; dan
 - ii. bahawa segala aset semasa, yang mungkin diperolehi nilainya dalam urusan biasa perniagaan, termasuk nilainya seperti yang ditunjukkan dalam rekod-rekod perakaunan Syarikat dan Kumpulan, telah dikurangkan nilainya kepada jumlah yang dijangka boleh diperolehi.
- b) Pada tarikh laporan ini, para Pengarah tidak mengetahui tentang sebarang keadaan:-
 - i. yang boleh mengakibatkan keperluan untuk menghapuskira mana-mana hutang lapuk atau amaun untuk peruntukan hutang ragu dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak mencukupi; atau
 - ii. yang boleh mengakibatkan kekeliruan dari segi nilai aset-aset semasa dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat; atau
 - iii. yang timbul yang mengakibatkan kekeliruan atau ketidaksesuaian kaedah penilaian aset atau liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang sedia ada.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

LAPORAN PARA PENGARAH (SAMBUNGAN)

KELULUSAN LAPORAN PARA PENGARAH

Laporan ini diluluskan oleh para Pengarah, dan ditandatangani bagi pihak para Pengarah selaras dengan resolusi Lembaga Pengarah.



Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir
Pengarah



Haji Mohammad Sahar bin Mat Din
Pengarah

Shah Alam
Bertarikh: **05 JUN 2022**

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA PARA PENGARAH
Seksyen 251(2) Akta Syarikat 2016

Kami, Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir dan Haji Mohammad Sahar bin Mat Din, dua daripada Pengarah Awqaf Holdings Berhad, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat para Pengarah, penyata kewangan yang dibentangkan di muka surat 10 hingga 44 telah disediakan bersesuaian dengan Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan peruntukan Akta Syarikat 2016 di Malaysia untuk memberi gambaran yang benar dan saksama berkenaan dengan kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2021 dan keputusan kendalian serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani berdasarkan resolusi Lembaga Pengarah.

Tan Sri Datin Paduka Siti Sa'diah binti Sheikh Bakir
Pengarah

Haji Mohammad Sahar bin Mat Din
Pengarah

Shah Alam
Bertarikh: **05 JUN 2022**

PENGAKUAN BERKANUN
Seksyen 251(1) Akta Syarikat 2016

Saya, Azizah binti Abdul Rahman, Pengarah yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan Awqaf Holdings Berhad, dengan ikhlas mengakui bahawa penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang dibentangkan di muka surat 10 hingga 44 adalah pada pengetahuan dan kepercayaan saya adalah benar, dan saya membuat pengakuan ini dengan kepercayaan bahawa ianya adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh
yang tersebut di atas
di Shah Alam
Selangor Darul Ehsan pada

- 5 JUN 2022

Azizah binti Abdul Rahman



Tetuan Hasshahari & Partners
No.13F, Tingkat 6
World Wide Business Park, Blok 1
Jalan Tinju 13/50, Seksyen 13
40675 Shah Alam, Selangor



LAPORAN JURUAUDIT

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI AWQAF HOLDINGS BERHAD [Nombor Pendaftaran.: 201201031092 (1015578-X)]

Laporan berkenaan Audit Penyata Kewangan

Pendapat

Kami telah mengaudit penyata kewangan Awqaf Holdings Berhad, yang terdiri daripada penyata kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2021, penyata pendapatan komprehensif, penyata perubahan dalam ekuiti dan penyata aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, dan nota-nota kepada penyata kewangan, termasuk ringkasan dasar perakaunan yang penting, seperti yang dibentangkan pada muka surat 10 sehingga 44 di dalam penyata kewangan.

Pada pendapat kami, penyata kewangan memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kumpulan dan Syarikat pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan dan aliran tunai Kumpulan dan Syarikat bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

Asas bagi pendapat

Kami telah menjalankan audit kami mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa. Tanggungjawab kami di bawah piawaian tersebut diuraikan dengan lanjut dalam perenggan *Tanggungjawab Juruaudit bagi Audit Penyata Kewangan* laporan kami. Kami percaya bahawa bukti audit yang kami perolehi adalah mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami.

Kebebasan dan tanggungjawab etika lain

Kami bebas daripada Kumpulan dan Syarikat mengikut *Undang-Undang Kecil (Etika, Kelakuan dan Amalan Profesional)* oleh Institut Akauntan Malaysia ("Undang-Undang Kecil") dan *Kod Etika Antarabangsa Profesional untuk Akauntan Profesional (termasuk Piawaian Kebebasan Antarabangsa)* ("Kod IESBA") oleh Lembaga Piawaian Etika Antarabangsa untuk Akauntan, dan kami telah memenuhi tanggungjawab etika lain mengikut Undang-Undang Kecil dan Kod IESBA.

Maklumat selain daripada Penyata Kewangan dan Laporan Juruaudit

Para Pengarah Syarikat bertanggungjawab untuk maklumat yang lain. Maklumat yang lain terdiri daripada Laporan Pengarah tetapi tidak termasuk penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat dan Laporan Juruaudit.

Pendapat kami ke atas penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat tidak termasuk Laporan Pengarah dan kami tidak menyatakan sebarang bentuk jaminan kesimpulan mengenainya.

Sehubungan dengan audit penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, tanggungjawab kami adalah untuk membaca Laporan Pengarah dan dengan berbuat demikian pertimbangkan sama ada Laporan Pengarah tidak konsisten secara material dengan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau pengetahuan yang kami perolehi dalam audit atau sebaliknya tersalah nyata dengan ketara.

Jika, berdasarkan kerja yang telah kami jalankan, kami membuat kesimpulan bahawa terdapat salah nyata yang ketara dalam Laporan Para Pengarah, kami dikehendaki melaporkan salah nyata itu. Kami tidak mempunyai sebarang perkara untuk dilaporkan dalam hal ini.

Tanggungjawab Para Pengarah bagi Penyata Kewangan

Para Pengarah Kumpulan dan Syarikat bertanggungjawab terhadap penyediaan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang memberi gambaran yang benar dan saksama menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia, Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan keperluan Akta Syarikat 2016 di Malaysia.

SHAH ALAM OFFICE
1C, 3rd Floor, Block 1
Worldwide Business Park
Jalan Tinju 13/50, Section 13
40675 Shah Alam
Selangor Darul Ehsan
Tel: 603 5511 7512
Fax: 603 5512 7513

OTHER OFFICES
• Kuala Lumpur
• Ipoh
• Kuantan
• Kota Bharu
• Kuala Terengganu
• Alor Setar



LAPORAN JURUAUDIT (SAMBUNGAN)

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI AWQAF HOLDINGS BERHAD [Nombor Pendaftaran.: 201201031092 (1015578-X)]

Laporan Audit berkenaan Penyata Kewangan (sambungan)

Tanggungjawab Para Pengarah bagi Penyata Kewangan (sambungan)

Para Pengarah juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman seperti yang ditentukan oleh Pengarah sebagai perlu untuk membolehkan penyediaan penyata kewangan Syarikat yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan.

Dalam menyediakan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, para Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk terus sebagai satu usaha berterusan, mendedahkan, yang mana berkenaan, perkara-perkara yang berkaitan dengan usaha berterusan dan menggunakan asas perakaunan bagi dasar usaha berterusan melainkan jika Pengarah berhasrat untuk membubarkan Kumpulan dan Syarikat atau untuk menghentikan operasi, atau tidak mempunyai alternatif yang realistik tetapi untuk berbuat demikian.

Tanggungjawab juruaudit bagi audit Penyata Kewangan

Objektif kami adalah untuk memperolehi jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, dan mengeluarkan laporan juruaudit yang merangkumi pendapat kami. Jaminan yang munasabah adalah tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh timbul daripada penipuan atau kesilapan dan dianggap ketara jika, secara sendirinya atau berkumpulan, dengan munasabah dijangkakan akan mempengaruhi keputusan ekonomi dari pengguna yang berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada audit yang mengikuti piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia dan Piawaian Pengauditan Antarabangsa, kami menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional di seluruh audit. Kami juga:

- Mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata yang ketara dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, sama ada disebabkan oleh penipuan atau kesilapan, reka bentuk dan melaksanakan prosedur audit responsif kepada risiko berkenaan, dan mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan sesuai untuk memberi asas yang munasabah bagi pendapat kami. Risiko tidak mengesan salah nyata yang ketara akibat daripada penipuan adalah lebih tinggi daripada kesilapan, kerana penipuan mungkin melibatkan pakatan sulit, pemalsuan, peninggalan sengaja, gambaran yang salah, atau pelangkauan kawalan dalaman.
- Memperoleh pemahaman mengenai kawalan dalaman yang berkaitan dengan audit bagi tujuan merangka prosedur audit yang bersesuaian dengan keadaan, tetapi bukan bertujuan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Kumpulan dan Syarikat.
- Menilai kesesuaian polisi-polisi perakaunan yang digunakan dan kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan yang dibuat oleh para Pengarah.
- Membuat kesimpulan mengenai kesesuaian penggunaan asas usaha berterusan perakaunan oleh Pengarah dan, berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada ketidakpastian material wujud yang berkaitan dengan peristiwa-peristiwa atau keadaan yang boleh menimbulkan keraguan yang ketara ke atas keupayaan Kumpulan dan Syarikat untuk meneruskan perniagaan sebagai usaha berterusan. Jika kami membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, kami dikehendaki untuk menarik perhatian dalam laporan juruaudit kami kepada pendedahan yang berkaitan di dalam penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, untuk mengubah pendapat kami. Kesimpulan kami adalah berdasarkan kepada bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh laporan juruaudit kami. Walau bagaimanapun, peristiwa atau keadaan masa depan mungkin boleh menyebabkan Kumpulan dan Syarikat berhenti untuk terus sebagai satu usaha berterusan.

W

LAPORAN JURUAUDIT (SAMBUNGAN)

LAPORAN JURUAUDIT KEPADA AHLI-AHLI AWQAF HOLDINGS BERHAD [Nombor Pendaftaran.: 201201031092 (1015578-X)]

Laporan Audit berkenaan Penyata Kewangan (sambungan)

Tanggungjawab juruaudit bagi audit Penyata Kewangan (sambungan)

- Menilai pembentangan keseluruhan, struktur dan kandungan penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat, termasuk pendedahan, dan sama ada penyata kewangan mewakili urus niaga asas dan peristiwa dengan cara yang mencapai pembentangan saksama.

Kami berkomunikasi dengan para Pengarah mengenai skop yang dirancang dan masa audit dan penemuan penting, termasuk sebarang kekurangan yang ketara dalam kawalan dalaman yang kami kenal pasti semasa audit kami.

Lain-lain perkara

Laporan ini disediakan hanya kepada ahli Kumpulan dan Syarikat, sebagai sebuah badan, menurut Seksyen 266 Akta Syarikat 2016 di Malaysia dan tanpa tujuan lain. Kami tidak bertanggungjawab kepada mana-mana pihak lain bagi kandungan laporan ini.

Penyata kewangan Awqaf Holdings Berhad bagi tahun kewangan berakhir 31 December 2020 telah diaudit oleh Juruaudit lain yang telah memberikan pendapat bahawa penyata kewangan yang disediakan adalah benar dan saksama.


WAN NADZIR & CO.
AF No. 1234
Akauntan Bertauliah


Zulkifili Amim bin Ismail
No. Kelulusan: 02532/05/2024 (J)
Rakan Kongsi Firma

Shah Alam
Bertarikh: 05 JUN 2022

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

**PENYATA PENDAPATAN KOMPREHENSIF
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2021**

	<u>Nota</u>	Kumpulan		Syarikat	
		<u>2021</u> RM	<u>2021</u> RM	<u>2020</u> RM	Dinyatakan semula
Pendapatan	4	2,213,168	149,657	201,890	
Kos perkhidmatan	5	(1,111,364)	(174,768)	(147,110)	
Keuntungan/(Kurangan) kasar		1,101,804	(25,111)	54,780	
Lain-lain pendapatan	6	430,776	201,768	313,100	
Perbelanjaan pajakan	7	(1,640,314)	(82,004)	(70,114)	
Elaun rosotnilai ke atas penghutang dagangan		(81,485)	(38,553)	(18,935)	
Perbelanjaan pentadbiran	8	(1,528,980)	(580,651)	(491,205)	
Perbelanjaan operasi	9	(142,208)	(141,894)	(94,118)	
Perbelanjaan lain		(346,559)	(346,559)	(201,871)	
Kurangan sebelum cukai		(2,206,966)	(1,013,004)	(508,363)	
Cukai	10	-	-	-	
Kurangan tahun semasa/Jumlah kurangan komprehensif tahun semasa		(2,206,966)	(1,013,004)	(508,363)	

The accompanying notes form an integral part of these financial statements.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021**

Nota	Kumpulan		Syarikat		
			<u>2021</u>	<u>2021</u>	<u>2020</u>
			RM	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA					
Hartanah, loji dan peralatan					
peralatan	11	482,665	464,129	383,982	331,931
Aset hak gunaan	12	1,968,862	114,168	110,977	-
Aset tidak ketara	13	236,708	236,708	272,178	152,290
Hartanah pelaburan	14	463,873	463,873	473,421	-
Pelaburan dalam anak syarikat	15	-	1,000	-	-
Penghutang pajakan	18	88,752	88,752	185,269	-
Jumlah aset bukan semasa		3,240,860	1,368,630	1,425,827	484,221
ASET SEMASA					
Inventori, pada kos		4,718	-	-	-
Amaun terhutang oleh anak syarikat	16	-	1,197,300	-	-
Penghutang dagangan dan pelbagai	17	1,437,129	72,133	48,910	2,557,283
Penghutang pajakan	18	37,991	37,991	32,081	274,050
Simpanan tetap di institusi kewangan	19	4,609,168	4,609,168	6,683,488	8,300,000
Baki di bank dan wang tunai	20	550,098	456,458	204,848	82,041
Jumlah aset semasa		6,639,104	6,373,050	6,969,327	11,213,374
LIABILITI SEMASA					
Pembiutan dagangan dan pelbagai	21	3,360,662	2,424,977	2,219,508	5,251,439
Liabiliti pajakan	22	1,223,848	92,295	123,360	1,440
Jumlah liabiliti semasa		4,584,510	2,517,272	2,342,868	5,252,879
ASET SEMASA BERSIH		2,054,594	3,855,778	4,626,459	5,960,495
Jumlah aset selepas liabiliti semasa		5,295,454	5,224,408	6,052,286	6,444,716

The accompanying notes form an integral part of these financial statements.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021**

Nota	Kumpulan		Syarikat		
	2021 RM	2021 RM	Dinyatakan semula 2020 RM	Dinyatakan semula 1.1.2020 RM	
EKUITI					
Modal dana					
wakaf korporat	23	12,854,568	12,854,568	12,707,402	12,591,469
Kurangan terkumpul		(8,862,082)	(7,668,120)	(6,655,116)	(6,146,753)
Jumlah ekuiti		3,992,486	5,186,448	6,052,286	6,444,716
LIABILITI BUKAN SEMASA					
Liabiliti pajakan	22	1,302,968	37,960	-	-
Jumlah ekuiti dan liabiliti bukan semasa		5,295,454	5,224,408	6,052,286	6,444,716

The accompanying notes form an integral part of these financial statements.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

**PENYATA PERUBAHAN EKUITI
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2021**

<u>Nota</u>	Modal dana wakaf <u>korporat</u> RM	Kurangan terkumpul			Jumlah RM
		Tabung ZuriatCare RM	Tabung-tabung lain dan dana am RM		
Kumpulan					
Pada 3 Mac 2021	12,707,402	110,123	(6,655,116)		6,162,409
Pemindahan dana ke Yayasan ZuriatCare	30	-	(110,123)	-	(110,123)
Penerimaan dana tahun semasa		147,166	-	-	147,166
Kurangan tahun semasa/ Jumlah kurangan komprehensif tahun semasa		-	-	(2,206,966)	(2,206,966)
Pada 31 Disember 2021	12,854,568	-	(8,862,082)		3,992,486
Syarikat					
Pada 1 Januari 2020					
<i>Seperti yang dinyatakan sebelum Pelarasan tahun sebelum</i>	31,32	12,591,469	147,567	(6,292,880)	6,446,156
<i>Pelarasan tahun sebelum</i>		-	-	(1,440)	(1,440)
Pada 1 Januari 2020, <i>seperti yang dinyatakan semula</i>		12,591,469	147,567	(6,294,320)	6,444,716
Penerimaan dana tahun semasa		115,933	-	-	115,933
Kurangan tahun semasa/ Jumlah kurangan komprehensif tahun semasa					
<i>Seperti yang dinyatakan sebelum Pelarasan tahun sebelum</i>	31,32	-	(37,454)	(441,031)	(478,485)
<i>Pelarasan tahun sebelum</i>		-	-	(29,878)	(29,878)
<i>Seperti yang dinyatakan semula</i>		-	(37,454)	(470,909)	(508,363)
Pada 31 Disember 2020		12,707,402	110,113	(6,765,229)	6,052,286
Pada 31 Disember 2020					
<i>Seperti yang dinyatakan sebelum Pelarasan tahun sebelum</i>	31,32	12,707,402	110,113	(6,733,911)	6,083,604
<i>Pelarasan tahun sebelum</i>		-	-	(31,318)	(31,318)
Pada 1 Januari 2021, <i>seperti yang dinyatakan semula</i>		12,707,402	110,113	(6,765,229)	6,052,286
Penerimaan dana tahun semasa		147,166	10	-	147,176
Pemindahan dana ke Yayasan ZuriatCare	30	-	(110,123)	110,113	(10)
Kurangan tahun semasa/ Jumlah kurangan komprehensif tahun semasa		-	-	(1,013,004)	(1,013,004)
Pada 31 Disember 2021		12,854,568	-	(7,668,120)	5,186,448

The accompanying notes form an integral part of these financial statements.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA DANA TABUNG
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2021

	Tabung <u>ZuriatCare</u> RM	Tabung <u>EduWaqf</u> RM	Tabung <u>Awqaf</u> RM	Tabung <u>4Health</u> RM	Dana am	Jumlah kurangan terkumpul RM
Syarikat						
Pada 1 Januari 2020	147,567	139,192	385	(6,433,897)	(6,146,753)	
Tambah: <i>Penerimaan dana</i>						
<i>tahun semasa</i>						
Sumbangan	7,970	-	-	-	-	7,970
Keuntungan deposit	-	134,679	-	-	-	134,679
Lain-lain pendapatan	-	-	25,445	346,896	372,341	
	155,537	273,871	25,830	(6,087,001)	(5,631,763)	
Tolak : Pemindahan/ Agihan dana		(6,447)	(150,000)		-	(156,447)
Pemindahan dana	(45,424)	-	-	-	-	(45,424)
Lain-lain perbelanjaan	-	-	-	(821,482)	(821,482)	
Baki pada 31 Disember 2020	110,113	267,424	(124,170)	(6,908,483)	(6,655,116)	
Tambah : <i>Penerimaan dana</i>						
<i>tahun semasa</i>						
Sumbangan	10	443	5,749	-	-	6,202
Hasil jualan amal	-	-	20,874	-	-	20,874
Keuntungan deposit	-	100,027	-	-	-	100,027
Lain-lain pendapatan	-	-	-	224,322	224,322	
	110,123	367,894	(97,547)	(6,684,161)	(6,303,691)	
Tolak : Pemindahan/ Agihan dana		(224,860)	(11,699)		-	(236,559)
Pemindahan dana	(110,123)					(110,123)
Lain-lain perbelanjaan	-	-	-	(1,017,747)	(1,017,747)	
Pada 31 Disember 2021	-	143,034	(109,246)	(7,701,908)	(7,668,120)	

The accompanying notes form an integral part of these financial statements.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2021

	Kumpulan	Syarikat	Dinyatakan semula
	<u>2021</u> RM	<u>2021</u> RM	
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI			
Kurangan sebelum cukai	(2,206,966)	(1,013,004)	(508,363)
<i>Pelarasan untuk:-</i>			
Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan	93,721	93,407	55,969
Rosot nilai aset tidak ketara	35,470	35,470	30,458
Susut nilai harta tanah pelaburan	9,548	9,548	3,978
Susut nilai aset hak gunaan	1,505,289	76,589	63,415
Keuntungan deposit	(113,313)	(113,313)	(202,907)
Kos pembiayaan ke atas liabiliti pajakan	135,025	5,415	6,699
Elaun rosot nilai ke atas penghutang dagangan	81,485	38,553	18,935
Kurangan dari kendalian sebelum perubahan kepada modal kerja	(459,741)	(867,335)	(531,816)
Perubahan dalam:-			
Inventori	(4,718)	-	-
Penghutang	(1,469,704)	(61,776)	2,489,438
Penghutang pajakan	90,607	90,607	56,700
Pembiayaan	1,141,154	205,469	(3,031,931)
Akaun anak syarikat	-	(1,197,300)	-
Tunai digunakan dalam aktiviti operasi	(702,402)	(1,830,335)	(1,017,609)
Keuntungan deposit diterima	113,313	113,313	202,907
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti operasi	(589,089)	(1,717,022)	(814,702)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN			
Pembelian harta tanah, loji dan peralatan	(192,404)	(173,554)	(108,020)
Pelaburan dalam anak syarikat	-	(1,000)	-
Pembelian harta tanah pelaburan	-	-	(477,399)
Penambahan aset tidak ketara	-	-	(150,346)
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti pelaburan	(192,404)	(174,554)	(735,765)

The accompanying notes form an integral part of these financial statements.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR PADA 31 DISEMBER 2021

	Kumpulan	Syarikat	Dinyatakan semula
	<u>2021</u> RM	<u>2021</u> RM	
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN			
Penerimaan dana wakaf	147,166	147,166	115,933
Bayaran balik pajakan kewangan	(1,094,743)	(78,300)	(59,171)
Tunai bersih (digunakan dalam)/dijana oleh aktiviti pembiayaan	(947,577)	68,866	56,762
Pengurangan bersih tunai dan setara tunai	(1,729,070)	(1,822,710)	(1,493,705)
Tunai dan setara tunai pada awal tahun	6,888,336	6,888,336	8,382,041
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	<u>5,159,266</u>	<u>5,065,626</u>	<u>6,888,336</u>
ANALISA TUNAI DAN SETARA TUNAI:-			
Baki di bank dan wang tunai	550,098	456,458	204,848
Deposit tetap di institusi kewangan	4,609,168	4,609,168	6,683,488
Tunai dan setara tunai pada akhir tahun	<u>5,159,266</u>	<u>5,065,626</u>	<u>6,888,336</u>

Nota kepada Penyata Aliran Tunai:

A. Penyesuaian pergerakan liabiliti pajakan terhadap aliran tunai yang wujud daripada aktiviti pembiayaan:-

Kumpulan	2021	Aliran aktiviti		
		<u>Baki awal</u> RM	<u>Perolehan pajakan baru</u> RM	<u>pembiayaan</u> RM
Liabiliti pajakan	123,360	3,498,199	(1,094,743)	<u>2,526,816</u>
Syarikat				
2021				
Liabiliti pajakan	<u>123,360</u>	<u>85,195</u>	<u>(78,300)</u>	<u>130,255</u>
2020				
Liabiliti pajakan	<u>-</u>	<u>182,531</u>	<u>(59,171)</u>	<u>123,360</u>

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

1. MAKLUMAT AM

Aktiviti utama Syarikat ialah untuk menerima sumbangan, mengurus atau membangun harta, aset, tanah atau apa-apa sumbangan wakaf lain dengan bertujuan memenuhi keperluan agama, kebajikan dan pendidikan untuk manfaat komuniti. Aktiviti utama anak Syarikat adalah seperti yang dinyatakan dalam Nota 15 kepada Penyata Kewangan.

Syarikat ditubuhkan dan bermastautin di Malaysia sebagai syarikat berhad dengan jaminan, tanpa modal saham.

Pejabat berdaftar Syarikat beralamat di C-39-G, Star Avenue Commercial Centre, Jalan Zuhal U5/178, Seksyen U5, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Syarikat menguruskan perniagaan di No.18, Tingkat 1, Jalan Serambi U8/24, Seksyen U8, Bukit Jelutong, 40150 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.

Penyata kewangan ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah mengikut resolusi Pengarah pada 5 Jun 2022.

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN

2.1 Keterangan Pematuhan

Penyata kewangan Syarikat telah disediakan menurut Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia ('MFRS'), Piawaian Pelaporan Kewangan Antarabangsa dan Peruntukan Akta Syarikat 2016.

2.2 Perubahan dalam piawaian perakaunan

Polisi perakaunan yang diterima pakai adalah selaras dengan yang diterima pakai pada tahun kewangan sebelumnya kecuali Pindaan kepada Piawaian Pelaporan Kewangan Malaysia seperti berikut:

Pada 1 Januari 2021, Syarikat telah menerima pakai penambahbaikan kepada Piawaian Perakaunan MFRS, Pindaan dan Interpretasi kepada piawaian perakaunan yang berkuat kuasa bagi tempoh tahun kewangan bermula pada atau selepas 1 Januari 2021.

- MFRS 17, *Kontrak Insurans*
- Pindaan kepada MFRS 9, MFRS 139, MFRS 7, MFRS 4 dan MFRS 16, Fasa 2-
Pembaharuan Tanda Aras Kadar Faedah
- Pindaan kepada MFRS 16, *Covid-19 – Konsesi Sewa Berkaitan*

Pindaan tertera di atas tidak memberi kesan kepada amaun yang diiktiraf dalam tahun terdahulu dan dijangka tidak memberi kesan besar kepada tempoh semasa atau akan datang.

2.3 Piawaian yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa

Syarikat belum menerima pakai piawaian-piawaian dan interpretasi-interpretasi berikut yang telah dikeluarkan tetapi belum berkuat kuasa sehingga tarikh penyata kewangan ini. Syarikat akan menggunakan pakai piawaian ini jika berkenaan, apabila ia berkuat kuasa.

Berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 April 2021

- Pindaan kepada MFRS 16, *Covid-19 – Konsesi Sewa Berkaitan selepas 30 June 2021*

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

Berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2022

- Pindaan MFRS yang terkandung dalam dokumen bertajuk "Peningkatan Tahunan pada MFRS Standards 2018-2020"
- Pindaan MFRS 3, *Rujukan kepada Kerangka Konseptual*
- Pindaan MFRS 116, Hartanah, Loji dan Peralatan - *Hasil sebelum Penggunaan yang Diharapkan*
- Pindaan kepada MFRS 137, *Kontrak Berat - Kos Memenuhi Kontrak*
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pengelasan Liabiliti sebagai Semasa atau Tidak Semasa*

Berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas 1 Januari 2023

- Pindaan kepada MFRS 17, *Kontrak Insurans*
- Pengelasan Liabiliti sebagai Semasa atau Tidak Semasa - Penangguhan Tarikh Berkuat kuasa
- Pindaan kepada MFRS 101, *Pendedahan Polisi Perakaunan*
- Pindaan kepada MFRS 108, *Definisi Anggaran Perakaunan*
- Pindaan kepada MFRS 112, *Cukai Pendapatan, Cukai Tertunda berkaitan Aset dan Liabiliti yang timbul dari Satu Transaksi*

Berkuat kuasa untuk tempoh tahunan bermula pada atau selepas tarikh yang belum disahkan

- Pindaan kepada MFRS 10, Penyata Kewangan Gabungan dan MFRS 128, Pelaburan dalam Syarikat Bersekutu dan Usahasama - Penjualan atau Sumbangan Aset antara Pelabur dengan Syarikat Bersekutu atau Usahasamanya

Tarikh kuatkuasa telah dipinda kepada tarikh yang belum ditetapkan oleh MASB

- Pindaan kepada MFRS 10 dan MFRS 128, *Jualan dan Sumbangan Aset di antara Pelabur dan Syarikat Bersekutu atau Usaha Sama*

Syarikat akan menerima pakai, yang mana berkenaan, piawaian-piawaian di atas apabila ia berkuat kuasa. Pemakaian piawaian dan pindaan di atas dijangka tidak memberi kesan material ke atas pendedahan atau amaun yang diiktiraf di penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat pada tempoh semasa dan terdahulu.

2.4 Asas Pengukuran

Penyata kewangan ini telah disediakan dengan menggunakan asas kos sejarah melainkan dinyatakan sebaliknya di dalam Nota 3.

2.5 Mata wang Persembahan dan Fungsian

Penyata kewangan ini dinyatakan pada Ringgit Malaysia ("RM"), iaitu mata wang fungsian untuk Kumpulan dan Syarikat.

2.6 Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaian

Penyediaan penyata kewangan yang mematuhi MFRS memerlukan pihak pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan polisi perakaunan dan jumlah aset-aset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan.

Walaupun anggaran dan pandangan adalah berdasarkan pengetahuan terbaik namun demikian keputusan sebenar mungkin berbeza.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

2. ASAS PENYEDIAAN PENYATA KEWANGAN (SAMBUNGAN)

2.6 Penggunaan Pertimbangan, Anggaran dan Andaian (sambungan)

Anggaran dan andaian mendasari disemak secara berterusan. Perbezaan akibat semakan kepada anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh yang berkenaan.

Tiada perkara signifikan melibatkan ketidakpastian anggaran dan pertimbangan kritikal dalam mengguna pakai polisi perakaunan yang mempunyai kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf di penyata kewangan selain daripada yang dinyatakan seperti berikut:-

a. Rosot nilai penghutang

Semakan dibuat ke atas penghutang secara individu dan kolektif pada setiap tarikh pelaporan untuk menilai sama ada rosot nilai perlu direkodkan ke untung atau rugi. Anggaran-anggaran yang perlu dipertimbangkan adalah risiko kemungkiran dan jangkaan kadar kerugian. Kumpulan dan Syarikat menggunakan pertimbangan dalam membuat andaian dan pemilihan input untuk pengiraan rosot nilai berdasarkan sejarah terdahulu, keadaan pasaran semasa dan juga anggaran berpandangan ke hadapan.

b. Pajakan – Kadar pinjaman bertokok

Kumpulan dan Syarikat menggunakan andaian dan pertimbangan bagi menentukan kadar pinjaman bertokok untuk pajakan. Sebagai permulaan, kadar pinjaman yang paling hampir akan dipakai sebelum menggunakan taksiran bagi menentukan pelarasan yang perlu untuk mengambil kira terma, cagaran, nilai atau persekitaran ekonomi pajakan berkenaan.

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING

Polisi-polisi perakaunan berikut telah digunakan secara konsisten dalam tempoh tahun kewangan yang dibentangkan di dalam penyata kewangan melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

3.1 Asas Penyatuan

Penyata kewangan disatukan mengandungi penyata kewangan Kumpulan dan Syarikat yang disediakan sehingga akhir tahun kewangan. Penyata Kewangan subsidiari disediakan pada tempoh pelaporan yang sama dengan syarikat serta menggunakan dasar perakaunan yang konsisten untuk transaksi dan peristiwa yang mempunyai keadaan yang sama.

Anak syarikat disatukan dari tarikh Kumpulan memperoleh kawalan dan terus disatukan sehingga ke tarikh kawalan tersebut tamat. Untuk menyediakan penyata kewangan yang disatukan, semua baki antara syarikat, keuntungan dan perbelanjaan serta keuntungan atau kerugian tidak direalisasi yang terhasil daripada baki transaksi antara syarikat dihapuskan sepenuhnya.

Keuntungan tidak nyata daripada transaksi antara Kumpulan dan entiti kawalan bersama dihapuskan setakat mana kepentingan milik Kumpulan dan entiti kawalan bersama tersebut. Kerugian tidak nyata juga dihapuskan mengikut asas yang sama tetapi hanya setakat tiada sebarang bukti menunjukkan telah berlaku rosot nilai.

3.2 Pelaburan Dalam Anak Syarikat

Anak syarikat adalah semua entiti (termasuk yang ditubuhkan untuk tujuan khas) di mana Kumpulan mempunyai kuasa untuk mengawal. Kumpulan mengawal sesebuah entiti apabila Kumpulan terdedah kepada, atau mempunyai hak ke atas pulangan daripada penglibatan dalam entiti tersebut serta mempunyai keupayaan untuk mempengaruhi pulangan entiti terlibat melalui kuasa ke atas entiti tersebut. Anak syarikat disatukan sepenuhnya dari tarikh di mana kawalan dipindahkan kepada Kumpulan. Status anak syarikat akan dibatalkan bermula daripada tarikh kawalan berakhir.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.2 Pelaburan Dalam Anak Syarikat (sambungan)

Pelaburan di dalam anak Syarikat dinyatakan pada kos dan diselaraskan nilainya kepada nilai boleh pulih yang mengambil kira rosot nilai dalam tahun berkaitan, jika ada. Polisi berhubung pengiktirafan dan pengukuran rosot nilai adalah seperti yang dinyatakan di Nota 3.8.

Kaedah perakaunan pembelian digunakan bagi perakaunan penyatuhan anak syarikat. Berdasarkan kaedah ini, anak syarikat disatukan mulai dari tarikh kawalan dipindahkan kepada Kumpulan dan penyatuhan dihentikan mulai dari tarikh kawalan berakhir. Kos pengambilalihan ditaksir pada nilai saksama aset-aset yang diberikan, instrumen ekuiti yang diterbitkan dan liabiliti yang ditanggung atau yang diambil alih pada tarikh urus niaga, dicampur kos yang berkaitan secara terus semasa pengambilalihan.

Aset dan liabiliti yang dikenal pasti bagi tujuan pengambilalihan serta liabiliti luar jangka yang perlu ditanggung pada penyatuhan perniagaan pada awalnya ditaksir mengikut nilai saksama pada tarikh pengambilalihan, tanpa mengambil kira kepentingan bukan kawalan. Lebihan kos pengambilalihan dan nilai saksama atas aset bersih yang dikenal pasti oleh Kumpulan semasa tarikh pengambilalihan dinyatakan sebagai muhibah. Sekiranya kos pengambilalihan kurang dari nilai saksama atas aset bersih anak syarikat yang diambil alih, perbezaan itu akan diiktiraf terus ke untung atau rugi.

Kepentingan bukan kawalan merupakan bahagian minoriti terhadap untung atau rugi dan aset bersih anak syarikat bagi ekuiti yang tidak dipunyai secara langsung atau tidak langsung oleh entiti induk.

Kepentingan bukan kawalan ditaksir pada bahagian minoriti terhadap nilai saksama aset dan liabiliti anak Syarikat yang telah dikenal pasti pada tarikh pengambilalihan dan bahagian minoriti terhadap perubahan ke atas ekuiti anak Syarikat mulai dari tarikh tersebut.

Urus niaga dalam Kumpulan, baki dan untung tidak nyata atas urus niaga di antara syarikat Kumpulan adalah dihapuskan. Begitu juga rugi tidak nyata turut dihapuskan tetapi dianggap sebagai petunjuk rosot nilai atas aset yang dipindahkan.

Untung atau rugi atas pelupusan anak syarikat adalah perbezaan di antara bayaran bersih yang diterima dan bahagian milik Kumpulan atas aset bersih anak syarikat pada tarikh pelupusan termasuk amaun terkumpul atas perbezaan pertukaran mata wang asing yang berkaitan dengan anak syarikat dan diiktiraf ke untung atau rugi disatukan.

Apabila Kumpulan tidak lagi mempunyai kawalan, kawalan bersama atau pengaruh berkesan, sebarang kepentingan yang dikekalkan dalam syarikat ditaksir semula kepada nilai saksama dengan perubahan dalam jumlah nilai bawa diiktiraf ke untung rugi. Nilai saksama ini adalah nilai saksamanya daripada pengiktirafan permulaan sebagai aset kewangan. Sebarang jumlah yang diiktiraf sebelumnya ke penyata pendapatan komprehensif berhubung entiti berkenaan diambil kira seolah-olah Kumpulan telah melupuskan aset atau tanggungan berkaitan secara langsung. Oleh itu, ia diambil kira sebagai syarikat yang dilabur berdasarkan ekuiti atau instrumen kewangan bergantung kepada tahap pengaruh yang dikekalkan.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.3 Instrumen Kewangan

Aset atau liabiliti kewangan diiktiraf ke penyata kedudukan kewangan apabila Kumpulan dan Syarikat menjadi satu pihak kepada peruntukan perundangan kontrak instrumen berkenaan.

3.3.1 Aset Kewangan

a. Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Aset kewangan (kecuali penghutang dagangan tanpa komponen pembiayaan ketara) dinyatakan semasa permulaan pada nilai saksama dan untuk aset kewangan tidak melalui untung atau rugi, dicampur dengan kos transaksi langsung untuk mendapatkan instrumen kewangan berkenaan. Penghutang dagangan tanpa komponen pembiayaan diiktiraf pada nilai transaksi semasa permulaan.

b. Pengkelasan dan Taksiran Berikut

Penggunaan MFRS 9 Instrumen Kewangan memerlukan aset kewangan dikelaskan mengikut keperluan, samada pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau kos terlunas.

Kumpulan dan Syarikat menentukan pengkelasan aset kewangan semasa pengiktirafan awal dan tidak dikelaskan semula selepasnya kecuali Kumpulan dan Syarikat menukar model perniagaan untuk mengurus aset kewangan pada hari pertama tempoh pelaporan berikut penukaran model perniagaan.

i. Aset kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Kesemua aset kewangan tidak dikelaskan sebagai dinyata pada kos terlunas akan ditaksir pada nilai saksama melalui untung atau rugi.

Aset kewangan dikelaskan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi ditaksir selanjutnya pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf ke untung atau rugi.

ii. Kos terlunas

Kategori kos terlunas mengandungi aset kewangan yang dipegang secara model perniagaan berobjektif memegang aset untuk menerima aliran tunai kontraktual dan terma kontraktual mewujudkan tarikh spesifik aliran tunai untuk bayaran prinsipal dan faedah ke atas amaun prinsipal yang masih berbayar. Aset kewangan ini tidak ditentukan sebagai nilai saksama melalui untung atau rugi. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan berkenaan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif (Nota 3.3.4). Pendapatan faedah diiktiraf ke untung atau rugi.

Aset kewangan pada kos terlunas tertakluk kepada rosot nilai seperti di Nota 3.8.

3.3.2 Liabiliti Kewangan

a. Pengiktirafan dan Taksiran Awal

Penggunaan MFRS 9 Instrumen Kewangan memerlukan liabiliti kewangan dikelas mengikut keperluan, sebagai ditaksir pada nilai saksama melalui untung atau rugi atau kos terlunas. Liabiliti kewangan diiktiraf di permulaan pada nilai saksama dan untuk instrumen kewangan selain dari nilai saksama melalui untung atau rugi, ditambah kos langsung transaksi untuk mendapatkan atau mengeluarkan instrumen kewangan berkenaan.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.3 Instrumen Kewangan (sambungan)

3.3.2 Liabiliti Kewangan (sambungan)

b. Pengelasan dan Taksiran Berikut

Taksiran berikut untuk liabiliti kewangan bergantung kepada pengelasan seperti berikut:-

i. Liabiliti kewangan pada nilai saksama melalui untung atau rugi

Kategori nilai saksama melalui untung atau rugi mengandungi liabiliti kewangan derivatif (kecuali derivatif untuk kontrak jaminan atau ditentukan sebagai instrumen lindung nilai yang berefektif) perkara-perkara berkongsi untuk penggabungan perniagaan dan liabiliti kewangan yang ditentukan sebagai kategori ini secara spesifik semasa pengiktirafan awal.

Liabiliti kewangan dikategorikan mengikut nilai saksama melalui untung atau rugi ditaksir berikutnya pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian diiktiraf ke untung atau rugi.

ii. Kos terlunas

Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan lain ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif (Nota 3.3.4).

Keuntungan dan kerugian diiktiraf ke untung atau rugi apabila liabiliti dinyahiktiraf atau melalui proses pelunasan.

3.3.3 Instrumen Kewangan Dioffset

Aset dan liabiliti kewangan dioffset dan amaun bersih dinyatakan pada penyata kedudukan kewangan hanya sekiranya terdapat secara sedia ada, hak perundangan untuk mengoffset amaun yang diiktiraf dan terdapat niat untuk menyelesaikan secara kaedah bersih atau menzahirkan aset dan menyelesaikan liabiliti secara berserentak.

3.3.4 Instrumen Kewangan pada Kos Terlunas

Pendapatan faedah diiktiraf menggunakan kadar faedah efektif ke atas amaun bawa kasar kecuali untuk aset kewangan yang telah dirosot nilai yang mana kadar faedah efektif dikenakan ke atas kos terlunas.

3.3.5 Nyahiktiraf Instrumen Kewangan

Aset kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak penerimaan aliran tunai dari aset berkenaan telah luput atau, Kumpulan dan Syarikat telah memindahkan hak penerimaan aliran tunai dari aset berkenaan atau telah bersanggup untuk membayar aliran tunai yang diterima secara penuh tanpa lengah secara ketara kepada pihak ketiga di bawah urusan “pass-through” tanpa mengekalkan kawalan atau (secara ketara) segala risiko dan habuan ke atas aset berkenaan.

Bila aset kewangan dinyahiktiraf, perbezaan diantara amaun bawa dan jumlah balasan diterima (termasuk sebarang aset baru diterima ditolak tanggungan liabiliti baru) dan keuntungan atau kerugian kumulatif yang telah diiktiraf ke ekuiti diiktiraf ke untung atau rugi.

Liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf bila obligasi terhadap liabiliti berkenaan sudah dilenyap, batal atau luput. Apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf, perbezaan di antara nilai bawa liabiliti kewangan yang terhapus atau dipindah kepada pihak lain dan balasan dibayar, termasuk sebarang aset bukan tunai atau liabiliti disanggup, diiktiraf ke untung atau rugi. Dalam keadaan dimana pemilik melepaskan hutang, keuntungan diiktiraf ke ekuiti sebagai rizab lain.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.4 Hartanah, Loji dan Peralatan dan Susut Nilai

3.4.1 Pengiktirafan dan Taksiran

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Kos adalah termasuk kos perbelanjaan yang berkait secara terus semasa perolehan aset tersebut. Perisian komputer yang bersepada dengan fungsi peralatan berkenaan dikaedahkan sebagai sebahagian aset yang berkenaan. Apabila terdapat bahagian penting sesuatu harta tanah, loji dan peralatan mempunyai anggaran usia penggunaan yang berbeza, bahagian berkenaan akan dikaedahkan sebagai aset berasingan.

Apabila harta tanah, loji dan peralatan dijual, untung atau rugi hasil dari penjualan tersebut ditentukan dengan membandingkan harga jualan dengan nilai bawa aset berkenaan dan akan dikredit atau didebitkan ke untung atau rugi, di mana berkenaan.

Kos berikutnya akan dimasukkan dalam nilai bawa aset tersebut atau diambil kira sebagai aset yang berasingan, sekiranya bersesuaian, hanya apabila faedah ekonomi masa hadapan berkaitan dengan aset itu, berkemungkinan mengalir kepada Kumpulan dan Syarikat dan kos tersebut boleh ditaksir dengan munasabah.

Kos penukaran komponen sesuatu aset diiktiraf ke dalam nilai bawa aset berkenaan sekiranya terdapat manfaat ekonomi yang terkandung di dalam aset boleh dinikmati pada masa hadapan dan kos berkenaan boleh ditaksir dengan wajarnya. Nilai bawa untuk komponen yang ditukar dinyahiktiraf ke untung atau rugi.

3.4.2 Susut Nilai

Komponen penting bagi sesuatu aset dipertimbangkan dan sekiranya mempunyai usia penggunaan berbeza, komponen berkenaan disusut nilai secara berasingan.

Semua harta tanah, loji dan peralatan lain disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan berikut:

Komputer dan perisian	3.3 tahun
Peralatan pejabat	5 tahun
Mesin dan peralatan	5 tahun
Pengubahsuai	10 tahun
Perabot dan kelengkapan	6.6 tahun

3.5 Pelaburan Hartanah

Pelaburan harta tanah terdiri daripada tanah dan bangunan yang dipegang bagi mendapatkan pulangan sewa jangka panjang atau untuk kenaikan modal atau kedua-duanya dan tidak diduduki sepenuhnya atau pada bahagian yang tidak signifikan.

Pelaburan harta tanah asalnya dinyatakan pada kos yang termasuk perbelanjaan yang berkait secara langsung untuk mendapatkan aset berkenaan.

Kumpulan menerima pakai model kos bagi menyatakan semua pelaburan harta tanah. Dalam model kos, pelaburan harta tanah dinyatakan pada kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul.

Bangunan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus berdasarkan anggaran usia penggunaan 50 tahun.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.5 Pelaburan Hartanah (sambungan)

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Kumpulan menilai sama ada terdapat sebarang petunjuk rosot nilai aset. Jika petunjuk sedemikian wujud, jumlah dibawa aset diturunkan dengan serta merta kepada jumlah boleh diperolehi sekiranya jumlah dibawa aset adalah lebih besar daripada jumlah yang boleh diperolehi semula.

Pelaburan harta tanah dinyahiktiraf apabila dijual atau penggunaan dihentikan dan tiada manfaat ekonomi yang akan diperoleh apabila dilupuskan. Perbezaan diantara terimaan bersih dan nilai bawa diiktiraf ke untung atau rugi dalam tempoh tahun kewangan aset berkenaan dinyahiktiraf.

3.6 Pajakan

Sesuatu kontrak adalah kontrak pajakan sekiranya kontrak berkenaan menurunkan hak untuk mengawal kegunaan aset yang dikenal pasti untuk sesuatu tempoh masa dengan balasan sebagai pertukaran. Untuk menentukan sama ada sesuatu kontrak menurunkan hak untuk mengawal sesuatu aset yang dikenal pasti, semakan dibuat sama ada:-

- Kontrak berkenaan diserta dengan aset yang dikenal pasti secara nyata atau tersirat, dan dapat dibeza secara fizikal atau diwakili dengan ketara kesemua kemampuan aset yang boleh dibeza secara fizikal. Sekiranya pembekal mempunyai hak substantif untuk menukar, aset berkenaan tidak dikenal pasti;
- Pelanggan mempunyai hak untuk mendapatkan manfaat ketara ekonomi dari pemakaian aset sepanjang tempoh guna; dan
- Pelanggan mempunyai hak untuk mengawal penggunaan aset. Hak ini terdapat kepada pelanggan apabila terdapat hak membuat keputusan yang paling relevan tentang bagaimana dan tujuan aset berkenaan digunakan.

Pada permulaan atau semasa semakan semula kontrak yang mengandungi komponen pajakan, balasan kontrak dibahagikan kepada komponen pajakan dan bukan pajakan berdasarkan harga berasingan masing-masing.

3.6.1 Pengiktirafan dan taksiran awal

a. Sebagai pemajak

Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf aset hak guna dan liabiliti pajakan pada tarikh permulaan kontrak untuk kesemua pajakan yang membenarkan hak mengawal aset dikenal pasti untuk tempoh tertentu kecuali pajakan tempoh jangka pendek atau pajakan yang didasari oleh aset bernilai rendah.

Aset hak guna semasa permulaan ditaksir pada kos yang terkandung amaun asal liabiliti setelah dilaras dengan bayaran pajakan dibuat pada atau sebelum tarikh pemakaian MFRS 16, dicampur dengan sebarang kos langsung dan anggaran kos membubar dan mengalih aset mendasari atau untuk mengembalikan semula aset mendasari atau tapak di mana ianya bertempat, ditolak sebarang insentif pajakan diterima.

Liabiliti pajakan semasa permulaan ditaksir pada nilai semasa bayaran pajakan yang belum berbayar didiskaun pada kadar faedah tersirat di dalam pajakan atau, sekiranya kadar berkenaan tidak ada secara tersedia, kadar pinjaman bertokok untuk setiap entiti akan digunakan.

Bayaran pajakan boleh berubah yang berkait dengan perlakuan di masa hadapan atau kegunaan aset dikecualikan dari liabiliti pajakan. Bayaran sebegini diiktiraf ke untung atau rugi dalam tempoh masa penggunaan atau perlakuan berlaku.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.6 Pajakan (sambungan)

3.6.1 Pengiktirafan dan taksiran awal (sambungan)

b. Sebagai pemberi pajak

Penentuan dilakukan semasa permulaan sama ada pajakan yang dibuat adalah pajakan kewangan atau operasi.

Untuk mengklasifikasi setiap pajakan, semakan keseluruhan dibuat sama ada pajakan berkenaan memindahkan secara ketara risiko dan ganjaran berkaitan pemilikan aset. Dalam keadaan sebegini, pajakan berkenaan adalah pajakan kewangan dan bukan pajakan operasi.

Sekiranya terdapat komponen pajakan dan bukan pajakan, MFRS 16 digunakan untuk membahagikan balasan kontrak berdasarkan harga berasingan.

Aset yang dipegang secara pajakan kewangan diterakan sebagai penghutang pajakan di dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun bersamaan dengan pelaburan bersih di dalam pajakan berkenaan. Kadar faedah implisit di dalam pajakan digunakan untuk menaksir pelaburan bersih pajakan berkenaan.

3.6.2 Taksiran berikutkan

a. Sebagai pemajak

Aset hak guna ditaksir berikutnya pada kos selepas susut nilai terkumpul dan rosot nilai terkumpul, dan dilaras kepada sebarang taksiran semula liabiliti pajakan.

Susut nilai dibuat berdasarkan garis lurus sepanjang jangka hayat aset hak guna. Jangka hayat aset hak guna ditentukan mengikut dasar yang sama dengan hartanah, loji dan peralatan.

Liabiliti pajakan ditaksir pada kos terlunas menggunakan kaedah faedah efektif. Nilai bawa akan ditaksir semula untuk mencerminkan sebarang ubahsuai pajakan atau taksiran semula.

Apabila liabiliti pajakan dibuat penaksiran semula, pelarasan berpadan dibuat kepada nilai bawa aset hak guna atau ke untung atau rugi sekiranya amaun nilai bawa aset hak guna sudah mencapai sifar.

Penentuan dilakukan semasa permulaan sama ada pajakan yang dibuat adalah pajakan kewangan atau operasi.

Untuk mengklasifikasi setiap pajakan, semakan keseluruhan dibuat sama ada pajakan berkenaan memindahkan secara ketara risiko dan ganjaran berkaitan pemilikan aset. Dalam keadaan sebegini, pajakan berkenaan adalah pajakan kewangan dan bukan pajakan operasi.

Sekiranya terdapat komponen pajakan dan bukan pajakan, MFRS 16 digunakan untuk membahagikan balasan kontrak berdasarkan harga berasingan.

Aset yang dipegang secara pajakan kewangan diterakan sebagai penghutang pajakan di dalam penyata kedudukan kewangan pada amaun bersamaan dengan pelaburan bersih di dalam pajakan berkenaan. Kadar faedah implisit di dalam pajakan digunakan untuk menaksir pelaburan bersih pajakan berkenaan.

Untuk pajakan operasi, bayaran pajakan diiktiraf sebagai pendapatan secara garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.7 Tunai dan Tunai Setara

Tunai dan tunai setara adalah tunai di tangan, baki dalam bank, deposit permintaan jangka pendek dan pelaburan jangka pendek cair yang boleh ditukarkan kepada jumlah tunai yang diketahui dan adalah tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

3.8 Rosot Nilai

3.8.1 Aset Kewangan

Kumpulan dan Syarikat mengiktiraf elaun kerugian untuk kerugian kredit dijangka ke atas aset kewangan ditaksir pada kos terlunas.

Kumpulan dan Syarikat menaksir kerugian elaun ke atas sekuriti hutang pada amaun bersamaan dengan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat, kecuali untuk sekuriti hutang yang dikenalpasti mempunyai risiko kredit rendah pada tarikh pelaporan. Sekuriti hutang lain yang berisiko kredit tidak berubah secara ketara sejak pengiktirafan awal ditaksir secara kerugian kredit dijangka untuk 12 bulan.

Kerugian elaun untuk penghutang dagangan sentiasa ditaksir pada amaun bersamaan dengan kerugian kredit dijangka sepanjang hayat.

Untuk menentukan samada risiko kredit aset kewangan sudah bertambah secara ketara sejak pengiktirafan awal dan semasa membuat anggaran kerugian kredit, Kumpulan dan Syarikat mempertimbangkan maklumat bersokong dan munasabah yang berkaitan dan tersedia tanpa menanggung kos dan usaha melampau. Ini termasuk maklumat kuantitatif dan kualitatif beserta analisa, berdasarkan kepada pengalaman sejarah Kumpulan dan Syarikat dan taksiran kredit bermaklumat termasuk maklumat memandang ke hadapan, di mana tersedia.

Kumpulan dan Syarikat menganggap risiko kredit aset kewangan meningkat secara ketara bila mele过si tempoh mula tertungggak. Kumpulan dan Syarikat menyifatkan aset kewangan sebagai dimungkiri apabila peminjam tidak mungkin dapat memenuhi obligasi kredit mereka secara penuh, tanpa ruang untuk Kumpulan dan Syarikat kepada tindakan seperti pencairan sekuriti.

Kerugian kredit dijangka sepanjang hayat adalah kerugian kredit dijangka hasil dari segala peristiwa kemungkiran sepanjang hayat sesuatu aset kewangan, manakala 12 bulan kerugian kredit dijangka ialah bahagian kerugian kredit hasil dari peristiwa kemungkiran yang mungkin berlaku dalam masa 12 bulan dari tarikh pelaporan.

Tempoh maksima diambil kira untuk penganggaran kerugian kredit ialah tempoh kontraktual maksima risiko kredit yang terdedah kepada Kumpulan dan Syarikat.

Kerugian rosot nilai berkaitan dengan aset kewangan ditaksir pada kos terlunas diiktiraf ke untung atau rugi dan amaun bawaan aset dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun.

3.8.2 Aset lain

Amaun bawaan aset lain, selain dari inventori dan aset cukai tertunda, disemak semula pada setiap tarikh pelaporan untuk menentukan samada terdapat petanda rosot nilai. Amaun bawaan disemak lebih kerap sekiranya peristiwa atau perubahan kepada keadaan menggambarkan amaun bawaan mungkin terosot nilai, sebagaimana dinyatakan di dalam polisi perakaunan aset berkenaan.

Sekiranya wujud petanda, amaun boleh pulih aset berkenaan akan dianggar. Kerugian rosot nilai diiktiraf bila amaun bawaan aset atau unit janaan tunai untuk aset berkenaan melebihi amaun boleh pulih. Kerugian rosot nilai diiktiraf ke untung atau rugi.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.8 Rosot Nilai (sambungan)

3.8.2 Aset lain (sambungan)

Unit janaan tunai ialah aset terkecil yang dikenal pasti untuk menjana aliran tunai hasil kegunaan berterusan yang secara umum bebas dari aset atau kumpulan lain.

Amaun boleh pulih ialah amaun tertinggi di antara nilai saksama aset ditolak kos melupus dan nilai hasil guna. Untuk menaksir nilai hasil guna, anggaran aliran tunai hadapan didiskaun kepada nilai semasa menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang mencerminkan nilai masa wang pada taksiran pasaran semasa dan risiko spesifik kepada aset berkenaan. Untuk aset yang tidak menjana aliran tunai secara berasingan, nilai boleh pulih ditentukan untuk unit janaan tunai yang melingkungi aset berkenaan.

Pembalikan rosot nilai dikredit ke untung atau rugi dalam tahun kewangan pembalikan diiktiraf.

3.9 Manfaat Kakitangan

a. Manfaat Jangka Pendek

Upah, gaji, bonus dan cuti diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan diberikan oleh kakitangan. Faedah jangka pendek terkumpul berbayar seperti gantian cuti rehat terkumpul yang dibayar pada masa persaraan diiktiraf dalam tahun perkhidmatan diberikan di mana kakitangan mendapat kelayakan tersebut.

b. Pelan Caruman ditentukan

Kumpulan dan Syarikat dikehendaki membuat sumbangan kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Majikan dan kakitangan masing-masing membuat sumbangan bulanan kepada KWSP mengikut kadar yang ditetapkan. Sumbangan Kumpulan dan Syarikat untuk KWSP ditunjukkan berasingan sebagai kos kakitangan.

3.10 Pengiktirafan Pendapatan

a. Perkhidmatan

Yuran pendaftaran diiktiraf atas dasar akruan.

b. Perkhidmatan lain

Pendapatan dari perkhidmatan lain diiktiraf mengikut peratusan hasil kerja pada tarikh pelaporan.

c. Keuntungan deposit

Keuntungan deposit diiktiraf secara akruan mengikut kaedah keuntungan efektif.

3.11 Kos pinjaman

Kos pinjaman diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam keuntungan atau kerugian dalam tempoh ia ditanggung dengan menggunakan kaedah faedah efektif.

3.12 Cukai semasa dan tertunda

Perbelanjaan cukai semasa adalah cukai pada kadar semasa berdasarkan untung kena cukai yang diperolehi pada tahun kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan sepenuhnya, menggunakan kaedah liabiliti, atas perbezaan sementara yang timbul di antara asas cukai aset dan liabiliti serta nilai buku di dalam penyata kewangan.

Aset cukai tertunda diiktiraf hanya ke tahap terdapat kemungkinan bahawa untung boleh cukai di masa hadapan akan tersedia berbanding dengan perbezaan sementara yang boleh dipotong yang timbul daripada pelaburan dalam anak syarikat kecuali bila mana tempoh balikkan perbezaan sementara itu boleh dikawal dan terdapat kemungkinan bahawa perbezaan sementara tidak akan berbalik sejauh yang boleh diramal di masa hadapan.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

3. POLISI PERAKAUNAN PENTING (SAMBUNGAN)

3.12 Cukai semasa dan tertunda (sambungan)

Cukai tertunda ditentukan menggunakan kadar cukai (dan undang-undang cukai) yang telah digubal atau digubal secara hakiki menjelang tarikh penyata kedudukan kewangan dan dijangka akan diguna pakai apabila aset cukai tertunda berkenaan direalisasi atau liabiliti cukai tertunda diselesaikan.

4. PENDAPATAN

	Kumpulan		Syarikat	
	<u>2021</u>		<u>2021</u>	<u>2020</u>
	RM	RM	RM	RM
Fi pengurusan sekolah	2,062,917	-	-	-
Yuran keahlian pusat kecergasan	126,514	126,514	200,404	
Lain-lain pendapatan	23,143	23,143	-	-
Jualan produk pendidikan	594	-	-	-
Jualan produk <i>Worldwellness</i>	-	-	1,486	
	<u>2,213,168</u>	<u>149,657</u>	<u>201,890</u>	

Kesemua pendapatan diiktiraf pada satu tempoh masa.

5. KOS PERKHIDMATAN

	Kumpulan		Syarikat	
	<u>2021</u>		<u>2021</u>	<u>2020</u>
	RM	RM	RM	RM
Termasuk dalam kos perkhidmatan tahun semasa adalah perbelanjaan berikut:-			Dinyatakan semula	
Emolumen:-				
- Gaji, elauan dan lain-lain	859,565	118,300	112,162	
- Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	93,106	17,237	1,174	
	<u>93,106</u>	<u>17,237</u>	<u>1,174</u>	

6. LAIN-LAIN PENDAPATAN

	Kumpulan		Syarikat	
	<u>2021</u>		<u>2021</u>	<u>2020</u>
	RM	RM	RM	RM
Lain-lain pendapatan berikut telah diambilkira dalam pengiraan kurangan sebelum cukai:-				
Keuntungan deposit	113,313	113,313	202,907	
Sewaan mesin	42,619	42,619	29,610	
Sumbangan dan tajaan	24,148	-	-	
Program Subsidi Upah PERKESO	17,340	17,340	45,600	
Sewaan ruang program	1,000	-	-	
Sumbangan manfaat EDUWaqt	203,860	-	-	
	<u>203,860</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

7. PERBELANJAAN PAJAKAN

	Kumpulan	Syarikat	
	<u>2021</u> RM	<u>2021</u> RM	
Susutnilai aset hak gunaan	1,505,289	76,589	63,415
Kos pembiayaan ke atas liabiliti pajakan	135,025	5,415	6,699
	<u>1,640,314</u>	<u>82,004</u>	<u>70,114</u>

8. PERBELANJAAN PENTADBIRAN

	Kumpulan	Syarikat	
	<u>2021</u> RM	<u>2021</u> RM	
Perbelanjaan pentadbiran berikut telah diambilkira dalam pengiraan kurangan sebelum cukai:-			Dinyatakan semula
Fi audit			
- Tahun semasa	10,400	5,000	4,500
- Terkurang peruntukan	1,046	1,046	-
Emolumen:-			
- Gaji, elauan dan lain-lain	588,390	324,429	320,819
- Caruman kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	58,478	39,490	53,053
Sewaan aset	218,400	-	-
Sewaan peralatan	<u>203,172</u>	<u>-</u>	<u>-</u>

9. PERBELANJAAN OPERASI

	Kumpulan	Syarikat	
	<u>2021</u> RM	<u>2021</u> RM	
Perbelanjaan operasi berikut telah diambilkira dalam pengiraan kurangan sebelum cukai:-			Dinyatakan semula
Rosot nilai aset tidak ketara	35,470	35,470	30,458
Susut nilai harta tanah, loji dan peralatan	93,721	93,407	55,969
Susut nilai harta tanah pelaburan	<u>9,548</u>	<u>9,548</u>	<u>3,978</u>

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

10. CUKAI

Tiada peruntukan cukai dibuat disebabkan Kumpulan dan Syarikat tidak mempunyai pendapatan bercukai.

Pelarasan cukai dari kadar statutori kepada kadar efektif adalah seperti berikut :-

	Kumpulan	Syarikat	Dinyatakan semula
	<u>2021</u>	<u>2021</u>	
	RM	RM	
Kurangan sebelum cukai	(2,206,966)	(1,013,004)	(508,363)
Cukai pada 24%	(529,672)	(243,121)	(122,007)
Perbelanjaan tidak dibenarkan	8,043	8,043	14,610
Originasi dan pembalikan			
perbezaan sementara tidak diiktiraf	521,629	235,078	107,397
	-	-	-
	-	-	-

Syarikat mempunyai elaun modal dan kerugian perniagaan tidak diserap yang boleh dibawa ke hadapan dan digunakan untuk dikontrakkan dengan cukai yang dikenakan akan datang pada amaun anggaran seperti berikut:-

	Kumpulan	Syarikat	Dinyatakan semula
	<u>2021</u>	<u>2021</u>	
	RM	RM	
<u>Kerugian perniagaan tidak diserap</u>			
Luput pada tahun 2029	2,615,300	2,615,300	2,615,300
Luput pada tahun 2030	422,600	422,600	422,600
Luput pada tahun 2031	1,566,100	914,300	-
	4,604,000	3,952,200	3,037,900
Elaun modal tidak diserap	76,300	70,600	35,200

Tiada tarikh luput bagi elaun modal tidak diserap.

Aset cukai tertunda dalam tahun kewangan semasa yang belum dimasukkan ke dalam penyata kewangan kerana tiada kepastian yang munasabah bahawa pendapatan yang dikenakan cukai masa hadapan akan mencukupi untuk membolehkan faedah tersebut direalisasikan, adalah seperti berikut:-

	Kumpulan	Syarikat	Dinyatakan semula
	<u>2021</u>	<u>2021</u>	
	RM	RM	
Aset cukai tertunda bersih yang tidak diiktirafkan dalam penyata kewangan pada 24%:-			
Kerugian perniagaan yang tidak diserap	1,104,900	948,500	729,100
Elaun modal tidak diserap	18,200	16,900	8,400
Lebihan amaun dibawa bersih ke atas asas cukai bagi harta tanah, loji dan peralatan	(43,100)	(42,200)	(14,300)
	1,080,000	923,200	723,200

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Kumpulan	<u>Komputer dan perisian</u> RM	<u>Peralatan pejabat</u> RM	<u>Mesin dan peralatan</u> RM	<u>Perabot dan kelengkapan</u> RM	<u>Pengubahsuai</u> RM	<u>Jumlah</u> <u>2021</u> RM
Kos						
Pada awal tahun	61,223	30,433	111,135	65,177	186,645	454,613
Penambahan	5,180	41,235	24,354	25,861	95,774	192,404
Pada akhir tahun	66,403	71,668	135,489	91,038	282,419	647,017
Susut nilai terkumpul						
Pada awal tahun	20,957	9,132	12,413	9,740	18,389	70,631
Susut nilai tahun semasa	18,621	6,105	27,098	13,656	28,241	93,721
Pada akhir tahun	39,578	15,237	39,511	23,396	46,630	164,352
Amaun dibawa bersih						
Pada 31.12.2021	26,825	56,431	95,978	67,642	235,789	482,665

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

11. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (SAMBUNGAN)

Syarikat	Komputer dan perisian	Peralatan pejabat	Mesin dan peralatan	Perabot dan kelengkapan	Pengubahsuaiann	Total 2021	Total 2020
KOS	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Pada 1 Januari	61,223	30,433	111,135	65,177	186,645	454,613	346,593
Penambahan	5,180	22,385	24,354	25,861	95,774	173,554	108,020
Pada 31 Disember	66,403	52,818	135,489	91,038	282,419	628,167	454,613
<u>Susut nilai terkumpul</u>							
Pada 1 Januari	20,957	9,132	12,413	9,740	18,389	70,631	14,662
Susut nilai tahun semasa	18,621	5,791	27,098	13,656	28,241	93,407	55,969
Pada 31 Disember	39,578	14,923	39,511	23,396	46,630	164,038	70,631
<u>Nilai bawaan bersih</u>							
Pada 31.12.2021	26,825	37,895	95,978	67,642	235,789	464,129	-
Pada 31.12.2020	40,266	21,301	98,722	55,437	168,256	-	383,982
Susut nilai yang dicaj pada tahun berakhir							
31 Disember 2020	9,580	5,847	12,413	18,389	9,740	-	55,969

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

12. ASET HAK GUNAAN

	Kumpulan	Syarikat	Dinyatakan semula
	<u>2021</u> RM	<u>2021</u> RM	<u>2020</u> RM
Pada 1 Januari	110,977	110,977	174,392
Tambahan tahun semasa	3,363,174	79,780	-
Susut nilai tahun semasa	(1,505,289)	(76,589)	(63,415)
Pada 31 Disember	1,968,862	114,168	110,977

13. ASET TIDAK KETARA

	Kumpulan	Syarikat	Dinyatakan semula
	<u>2021</u> RM	<u>2021</u> RM	<u>2020</u> RM
Kos			
Pada 1 Januari	302,636	302,636	152,290
Tambahan tahun semasa	-	-	150,346
Pada 31 Disember	302,636	302,636	302,636
Rosot nilai terkumpul			
Pada 1 Januari	30,458	30,458	-
Rosot nilai tahun semasa	35,470	35,470	30,458
Pada 31 Disember	65,928	65,928	30,458
Nilai bawa bersih			
Pada 31 Disember	236,708	236,708	272,178

Aset tidak ketara merujuk kepada yuran francais bagi pusat latihan kecergasan *Curves for Women* yang dibayar oleh Awqaf Holdings Berhad.

14. HARTANAH PELABURAN

	Kumpulan	Syarikat	
	<u>2021</u> RM	<u>2021</u> RM	<u>2020</u> RM
Bangunan			
Kos			
Pada 1 Januari	477,399	477,399	-
Tambahan tahun semasa	-	-	477,399
Pada 31 Disember	477,399	477,399	477,399
Susut nilai terkumpul			
Pada 1 Januari	3,978	3,978	-
Susut nilai tahun semasa	9,548	9,548	3,978
Pada 31 Disember	13,526	13,526	3,978
Nilai bawa bersih			
Pada 31 Disember	463,873	463,873	473,421

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

15. PELABURAN DALAM ANAK SYARIKAT

	Syarikat	
	<u>2021</u>	<u>2020</u>
	RM	RM
Saham tidak tersiar harga, pada kos	1,000	-

Anak Syarikat diperbadankan pada 3 Mac 2021. Butiran anak syarikat yang diperbadankan di Malaysia adalah seperti berikut:-

<u>Nama</u>	Bahagian hak pemilikan		<u>Aktiviti utama</u>
	<u>2021</u>	<u>2020</u>	
Awqaf Education Sdn. Bhd.	100%	-	Menguruskan operasi pendidikan dan penjualan produk pendidikan

16. AMAUN TERHUTANG OLEH ANAK SYARIKAT

Amaun terhutang oleh anak syarikat adalah tidak bercagar, tiada faedah, tiada terma pembayaran yang tetap dan dibayar secara tunai.

17. PENGHUTANG DAGANGAN DAN PELBAGAI

	Kumpulan	Syarikat	
		Dinyatakan semula	
	<u>2021</u> RM	<u>2021</u> RM	<u>2020</u> RM
Penghutang dagangan	947,674	89,024	35,098
Tolak: Elaun rosot nilai (Nota 24.2)	(100,420)	(57,488)	(18,935)
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Penghutang lain	847,254	31,536	16,163
Deposit	219,178	3,914	1,379
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Prabayar	367,042	33,028	31,368
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	1,433,474	68,478	48,910
	3,655	3,655	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	1,437,129	72,133	48,910

Penghutang dagangan tidak dikenakan faedah dan secara am, terma diberi ialah 30 hingga 90 hari. Pengiktirafan awal dibuat mengikut amaun invois asal dan bersamaan dengan nilai saksama.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

18. PENGHUTANG PAJAKAN

	Kumpulan	Syarikat	
	<u>2021</u> RM	<u>2021</u> RM	<u>2020</u> RM
<i>Terimaan minimum pajakan:-</i>			
Tidak melebihi 1 tahun	56,700	56,700	56,700
2 hingga 5 tahun	103,950	103,950	219,176
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Keuntungan terakru	160,650	160,650	275,876
	(33,907)	(33,907)	(58,526)
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	126,743	126,743	217,350
<i>Nilai semasa bagi pajakan:-</i>			
Tidak melebihi 1 tahun	37,991	37,991	32,081
2 hingga 5 tahun	88,752	88,752	185,269
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	126,743	126,743	217,350
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Penghutang pajakan merujuk kepada sewaan mesin perubatan kepada pihak ketiga, Usains Tech Services Sdn. Bhd. yang seterusnya akan dipindah milik pada tahun 2024.

19. SIMPANAN TETAP DENGAN INSTITUSI KEWANGAN

Keuntungan (Murabahah) untuk simpanan tetap berkadar pada 2% (2020: 2%) setahun.

20. BAKI DI BANK DAN WANG TUNAI

	Kumpulan	Syarikat	
	<u>2021</u> RM	<u>2021</u> RM	<u>2020</u> RM
<i>Baki di bank</i>			
Wang tunai	549,689	456,365	204,505
	409	93	343
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	550,098	456,458	204,848
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

21. PEMIUTANG DAGANGAN DAN PELBAGAI

	Kumpulan	Syarikat	
	<u>2021</u> RM	<u>2021</u> RM	<u>2020</u> RM
<i>Pemiutang dagangan</i>			
Pemiutang lain	1,412,873	500,689	257,356
Deposit	1,922,927	1,906,599	1,948,006
	5,425	5,425	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
Akruan	3,341,225	2,412,713	2,205,362
	19,437	12,264	14,146
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	3,360,662	2,424,977	2,219,508
	<hr/>	<hr/>	<hr/>

Termasuk dalam pemiutang lain adalah bayaran pendahuluan untuk pembelian unit pembangunan "Persada Awqaf" sebanyak RM1,589,170 (2020: RM1,685,723). Pada 2019, projek tersebut telah dibatalkan dan penyerahan semula wang pendahuluan tersebut dipulangkan kepada pembeli-pembeli unit secara berperingkat.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

22. LIABILITI PAJAKAN

	Kumpulan	Syarikat	Dinyatakan semula
	<u>2021</u> RM	<u>2021</u> RM	
Pada 1 Januari	123,360	123,360	175,832
Tambahan tahun semasa	3,363,174	79,780	-
Bayaran tahun semasa	<u>(959,718)</u>	<u>(72,885)</u>	<u>(52,472)</u>
	<u>2,526,816</u>	<u>130,255</u>	<u>123,360</u>
Kos pembiayaan ke atas liabiliti pajakan (Nota 9)	<u>135,025</u>	<u>5,415</u>	<u>6,699</u>
<i>Didedahkan sebagai:-</i>			
Semasa	1,223,848	92,295	123,360
Bukan semasa	1,302,968	37,960	-
	<u>2,526,816</u>	<u>130,255</u>	<u>123,360</u>

23. MODAL DANA WAKAF KORPORAT

	Syarikat	
	<u>2021</u> RM	<u>2020</u> RM
Pada 1 Januari	12,707,402	12,591,469
Penerimaan dana tahun semasa	147,166	115,933
Baki pada 31 Disember	<u>12,854,568</u>	<u>12,707,402</u>

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

24.

INSTRUMEN KEWANGAN

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang menimbulkan aset kewangan bagi satu pihak perniagaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti bagi satu pihak perniagaan yang lain.

24.1 Kategori Instrumen Kewangan

	Kumpulan		Syarikat	
	Amaun <u>dibawa</u> RM	Kos <u>terlunas</u> RM	Amaun <u>dibawa</u> RM	Kos <u>terlunas</u> RM
2021				
Aset kewangan				
Pelaburan dalam anak syarikat	-	-	1,000	1,000
Amaun ter hutang oleh anak syarikat	-	-	1,197,300	1,197,300
Penghutang dagangan dan pelbagai	1,433,474	1,433,474	68,478	68,478
Penghutang pajakan	126,743	126,743	126,743	126,743
Deposit tetap di institusi kewangan	4,609,168	4,609,168	4,609,168	4,609,168
Baki di bank dan wang tunai	550,098	550,098	456,458	456,458
	6,719,483	6,719,483	6,459,147	6,459,147
Liabiliti kewangan				
Pembiutang dagangan dan pelbagai	3,341,225	3,341,225	2,412,713	2,412,713
Liabiliti pajakan	2,526,816	2,526,816	130,255	130,255
	5,868,041	5,868,041	2,542,968	2,542,968
2020				
Aset kewangan				
Penghutang dagangan dan pelbagai	-	-	48,910	48,910
Penghutang pajakan	-	-	217,350	217,350
Deposit tetap di institusi kewangan	-	-	6,683,488	6,683,488
Baki di bank dan wang tunai	-	-	204,848	204,848
			7,154,596	7,154,596
Liabiliti kewangan				
Pembiutang dagangan dan pelbagai	-	-	2,205,362	2,205,362
Liabiliti pajakan	-	-	123,360	123,360
			2,328,722	2,328,722

24.2 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan

Kumpulan dan Syarikat terdedah kepada risiko kewangan yang timbul daripada aktiviti operasi dan penggunaan instrumen kewangan. Polisi pengurusan risiko kewangan Kumpulan dan Syarikat adalah untuk memastikan sumber kewangan yang mencukupi bagi aktiviti operasi di samping menguruskan risiko kewangan, termasuk risiko kredit dan kecairan. Kumpulan dan Syarikat beroperasi mengikut garis panduan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

24. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

24.2 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan (sambungan)

a) Risiko kredit

Risiko kredit merupakan risiko kerugian yang mungkin timbul daripada instrumen kewangan tertunggak sekiranya pihak balas memungkiri obligasi mereka.

Pendedahan Kumpulan dan Syarikat kepada risiko kredit timbul terutamanya daripada penghutang.

Kumpulan dan Syarikat mengamalkan polisi kredit dan pendedahan risiko kredit dipantau dari masa ke semasa. Untuk penghutang dagangan, terdapat garis panduan untuk pemberi kredit. Transaksi kredit hanya dibuat kepada pihak yang memenuhi kriteria kredit dan kedudukan kredit yang tinggi.

Kumpulan dan Syarikat akan melakukan segala usaha untuk memungut hutang termasuk tindakan perundangan dalam tempoh setahun. Selepas tempoh berkenaan, hutang yang masih belum dipungut dianggap dimungkiri. Penghutang perniagaan yang dianggap tidak lagi boleh dikutip semula akan dihapus kira. Walau sudah dihapus kira, sekiranya perlu, usaha pungutan untuk hutang tertentu mungkin dikekalkan dalam aktiviti seliaan. Pada akhir tahun semasa, tidak terdapat mana-mana hutang yang telah dihapus kira yang masih lagi tertakluk kepada aktiviti penguatkuasaan.

Kumpulan dan Syarikat menggunakan pendekatan ringkas untuk menaksir kerugian kredit yang menggunakan peruntukan kerugian sepanjang hayat untuk penghutang dagangan. Untuk menaksir kerugian kredit (ECL – *Expected Credit Loss*), hutang dagangan dikumpul bersama berdasarkan sifat risiko kredit bersama dikongsi dan jumlah hari tertunggak.

Jangkaan untuk ECL dibuat menggunakan aturan matriks dengan merujuk kepada pengalaman lampau penghutang dan analisa ke atas kedudukan kewangan penghutang terkini, diselaras dengan faktor yang spesifik kepada pengutang berkenaan, keadaan ekonomi semasa industri penghutang beroperasi serta taksiran berkenaan keadaan semasa dan ramalan masa hadapan pada tarikh pelaporan.

Untuk tahun pelaporan semasa, teknik anggaran atau andaian penting adalah sama dengan tahun sebelumnya.

Berikut adalah maklumat berkenaan risiko kredit terhadap penghutang menggunakan aturan matriks:-

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

24. INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

24.2 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan (sambungan)
a) Risiko kredit (sambungan)

Kumpulan	<u>Jangkaan kadar rugi</u>	<u>Nilai bawaan kasar</u> RM	Peruntukan elaun <u>kerugian</u>
			RM
31 Disember 2021			
Belum genap tempoh	15.3%	14,060	2,155
1 hingga 30 selepas tamat tempoh	55.0%	10,908	5,994
31 hingga 90 selepas tamat tempoh	71.1%	2,794	1,987
Lebih dari 90 hari selepas tamat tempoh	5.0% - 77.3%	919,912	90,284
		947,674	100,420
Syarikat			
31 Disember 2021			
Belum genap tempoh	15.3%	14,060	2,155
1 hingga 30 selepas tamat tempoh	55.0%	10,908	5,994
31 hingga 90 selepas tamat tempoh	71.1%	2,794	1,987
Lebih dari 90 hari selepas tamat tempoh	77.3%	61,262	47,352
		89,024	57,488
31 Disember 2020			
Belum genap tempoh	13.9%	9,331	1,300
1 hingga 30 selepas tamat tempoh	50.0%	1,859	928
31 hingga 90 selepas tamat tempoh	64.7%	1,640	1,060
Lebih dari 90 hari selepas tamat tempoh	70.3%	22,268	15,647
		35,098	18,935

Pergerakan kepada elaun kerugian kredit adalah seperti berikut:-

	Kumpulan	Syarikat	Dinyatakan semula
	<u>2021</u>	<u>2021</u>	<u>2020</u>
	RM	RM	RM
Pada awal tahun	18,935	18,935	-
Pengukuran semula hutang ragu*	81,485	38,553	18,935
Pada akhir tahun	100,420	57,488	18,935

* Ke Penyata Pendapatan Komprehensif

b) Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko ketidakupayaan Kumpulan dan Syarikat memenuhi obligasi yang berkaitan dengan instrumen kewangan. Pendedahan kepada risiko kecairan timbul terutamanya daripada ketidaksepadanan kematangan aset dan liabiliti kewangan.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

24.

INSTRUMEN KEWANGAN (SAMBUNGAN)

24.2 Objektif dan dasar pengurusan risiko kewangan (sambungan)

b) Risiko kecairan (sambungan)

Objektif Kumpulan dan Syarikat adalah untuk mengekalkan tahap aliran tunai dan kesetaraan tunai yang mencukupi untuk menampung keperluan modal kerja. Untuk mencapai objektif ini, Kumpulan dan Syarikat berbelanja secara berhemah mengikut bajet pengurusan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah.

Analisa kematangan

Profil kematangan untuk liabiliti kewangan pada penghujung tarikh pelaporan berdasarkan kepada bayaran kontraktual tanpa pendiskaunan adalah seperti berikut:-

Kumpulan 2021	Kadar		Atas permintaan atau dalam 1 tahun	Jumlah tunai perlu dibayar antara 2 tahun hingga 5 tahun	Aliran tunai dikontrak
	Jumlah amaun bawaan	peruntukan pembiayaan			
Pemutang dagangan dan pelbagai	3,341,225	-	3,341,225	-	3,341,225
Liabiliti pajakan	2,526,816	4.50	1,311,349	1,389,254	2,700,603
	5,868,041		4,652,574	1,389,254	6,041,828

Syarikat 2021					
Pemutang dagangan dan pelbagai	2,412,713	-	2,412,713	-	2,412,713
Liabiliti pajakan	130,255	4.50	95,100	93,200	188,300
	2,542,968		2,507,813	93,200	2,601,013

2020					
Pemutang dagangan dan pelbagai	2,205,362	-	2,205,362	-	2,205,362
Liabiliti pajakan	123,360	4.50	66,000	121,500	187,500
	2,328,722		2,271,362	121,500	2,392,862

24.3 Nilai saksama instrumen kewangan

Nilai dibawa aset dan liabiliti Kumpulan dan Syarikat yang diklasifikasikan sebagai semasa adalah anggaran munasabah bagi nilai saksama kerana sifat jangka pendek dan kesan pendiskaunan yang tidak ketara terhadap instrumen kewangan ini.

Tiada instrumen kewangan Kumpulan dan Syarikat yang ditaksir pada hirarki Paras 1, Paras 2 atau Paras 3.

25.

PENGURUSAN MODAL

Kumpulan dan Syarikat sentiasa menyemak semula dan menguruskan modalnya untuk memastikan kecukupan bagi keperluan kendalian dan modal. Untuk tujuan pendedahan, Kumpulan dan Syarikat menganggap dana wakaf korporat sebagai modal Kumpulan dan saham sebagai modal Syarikat Tiada perubahan dalam pendekatan Syarikat untuk pengurusan modal dalam tahun kewangan semasa.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

26. PIHAK BERKAITAN

Identiti pihak berkaitan

Untuk tujuan penyata kewangan ini, pihak-pihak adalah dianggap berkaitan kepada Syarikat sekiranya Syarikat mempunyai keupayaan, secara langsung atau tidak langsung, untuk mengawal atau mengawal bersama pihak tersebut atau mempunyai pengaruh signifikan terhadap pihak tersebut dalam membuat keputusan kewangan dan operasi, atau sebaliknya, atau dimana Syarikat dan pihak tersebut tertakluk kepada kawalan bersama. Pihak berkaitan mungkin individu atau entiti lain.

Pihak berkaitan juga termasuk kakitangan pengurusan utama yang ditakrifkan sebagai mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti-aktiviti Kumpulan dan Syarikat sama ada secara langsung atau tidak langsung dan entiti yang menyediakan perkhidmatan kakitangan pengurusan utama kepada Kumpulan dan Syarikat. Kakitangan pengurusan utama termasuk semua Pengarah Syarikat, Kumpulan, dan ahli pengurusan kanan Kumpulan.

Kumpulan mempunyai hubungan pihak berkaitan dengan anak syarikat dan kakitangan pengurusan utama.

Transaksi signifikan pihak berkaitan

Transaksi pihak berkaitan dibuat mengikut terma kebiasaan urusan perniagaan. Selain dari transaksi yang ditunjukkan di dalam bahagian lain di penyata kewangan ini, berikut adalah transaksi signifikan dengan pihak berkaitan:-

	Syarikat	
	2021	2020
Anak syarikat	RM	RM
Sumbangan manfaat EduWaqt	203,860	-

27. PERISTIWA SIGNIFIKAN SEMASA TAHUN KEWANGAN

Wabak Coronavirus (Covid-19) dikenal pasti di Wuhan, China pada bulan Disember 2019. Organisasi Kesihatan Sedunia ("WHO") telah mengisyiharkan wabak tersebut sebagai Kecemasan Kesihatan Awam Keprihatinan Antarabangsa (*Public Health Emergency of International Concern*) pada 30 Januari 2020 dan kemudiannya WHO mengisyiharkan wabak Covid-19 sebagai wabak pandemik global pada 11 Mac 2020.

Berikutan pengisyiharan WHO, Kerajaan Malaysia pada 16 Mac 2020 telah mengenakan Perintah Kawalan Pergerakan ("MCO") di seluruh Malaysia mulai 18 Mac 2020 untuk menyekat penyebaran wabak Covid-19 di Malaysia. Melalui MCO, kebanyakan operasi perniagaan terpaksa ditutup sementara pada tempoh tersebut. Ini termasuklah premis perniagaan berkaitan kesihatan, pendidikan dan pusat kecergasan yang dijalankan oleh Kumpulan dan Syarikat. Oleh itu, pengisyiharan MCO ini memberi sedikit sebanyak impak terhadap perniagaan Kumpulan dan Syarikat.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

28.

PERISTIWA SIGNIFIKAN SELEPAS TAHUN KEWANGAN BERAKHIR

Pada 11 Januari 2021, Perdana Menteri Malaysia Tan Sri Muhyiddin Yassin mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan ("MCO"), Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat ("CMCO"), atau Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan ("RMCO") untuk pelbagai negeri di Malaysia bermula 13 Januari 2021 sehingga 4 Februari 2021. Yang di-Pertuan Agong, DYMM Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah telah memperkenankan terhadap Pengisytiharan Proklamasi Darurat dilaksanakan sehingga 1 Ogos 2021 sebagai langkah proaktif membendung wabak COVID-19 di Malaysia.

Kumpulan dan Syarikat tidak dapat menganggarkan secara munasabah kesan kewangan terhadap peristiwa ini pada kedudukan kewangan, hasil operasi atau aliran tunai pada tahun kewangan berikutnya kerana ketidaktentuan hasil masa depan peristiwa semasa. Walau bagaimanapun, Kumpulan dan Syarikat pasti bahawa langkah-langkah di seluruh dunia terhadap penyebaran coronavirus akan memberi kesan langsung dan tidak langsung terhadap operasinya. Kumpulan dan Syarikat akan terus memantau impak untuk meminimumkan kesan wabak terhadap operasi Kumpulan dan Syarikat.

29.

ASET KONTINGEN

Pada 5 November 2016, Awqaf Holdings Berhad dan Usrah Associates telah menandatangani memorandum persefahaman untuk menjalankan kerjasama dalam pengumpulan dana wakaf melalui aktiviti berkaitan Perancangan Kewangan Islam (Takaful). Melalui kerjasama ini, Usrah Associates akan bertindak mengumpulkan jumlah kutipan wakaf melalui hibah takaful apabila berlaku kematian kepada ahli dan sebanyak RM1,333,218 (2020: RM1,333,218) telah berjaya dikumpul oleh Usrah Associates setakat tarikh laporan kewangan ini berakhir.

30.

PEMINDAHAN DANA KE YAYASAN ZURIATCARE

Tabung ZuriatCare terkandung di dalam ekuiti Kumpulan dan Syarikat.

Pada 7 Oktober 2020, Yayasan ZuriatCare telah diperbadankan sebagai entiti berasingan. Berikutan itu, di dalam tahun kewangan 2021, Tabung ZuriatCare dipindahkan dari akaun Kumpulan dan Syarikat ke Yayasan ZuriatCare.

31.

PELARASAN TAHUN SEBELUM

Pelarasan tahun sebelum merujuk kepada kesan perubahan daripada:-

- a. Pemakaian MFRS 16, Liabiliti Pajakan dan;
- b. Pemakaian MFRS 9, Instrumen Kewangan
- c. Aset hartanah, loji dan peralatan yang diletak di dalam aset tidak ketara dalam tahun sebelum.

Kesan perubahan ditunjukkan pada Nota 32.

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

32. PELARASAN PERBANDINGAN

Syarikat [REDACTED]	31.12.2020		
	Seperti dinyatakan <u>sebelum</u> RM	Kesan perubahan RM	Seperti dinyatakan <u>semula</u> RM
<u>Penyata kedudukan kewangan</u>			
Hartanah, loji dan peralatan	312,941	71,041	383,982
Aset hak gunaan	-	110,977	110,977
Aset tidak ketara	343,219	(71,041)	272,178
Penghutang dagangan dan pelbagai	67,845	(18,935)	48,910
Liabiliti pajakan	-	123,360	123,360
Kurangan terkumpul	<u>(6,623,798)</u>	<u>(31,318)</u>	<u>(6,655,116)</u>
<u>Penyata perubahan dana</u>			
<i>Pelarasan tahun sebelum:-</i>			
Kesan perubahan MFRS 16	-	(1,440)	(1,440)
Susut nilai aset hak gunaan	-	(63,415)	(63,415)
Rosot nilai penghutang dagangan	-	(18,935)	(18,935)
Sewaan pejabat	<u>(59,171)</u>	<u>59,171</u>	-
<u>Penyata pendapatan komprehensif</u>			
Kos perkhidmatan	147,110	-	147,110
Perbelanjaan pentadbiran	550,376	(59,171)	491,205
Perbelanjaan operasi	94,118	-	94,118
<u>Penyata aliran tunai</u>			
<u>Aliran tunai dari aktiviti operasi:-</u>			
Kurangan sebelum cukai	<u>(478,485)</u>	<u>(29,878)</u>	<u>(508,363)</u>
<i>Pelarasan untuk:-</i>			
Susut nilai aset hak gunaan	-	63,415	63,415
Kos pembiayaan ke atas liabiliti pajakan	-	6,699	6,699
<i>Perubahan dalam:-</i>			
Penghutang	279,013	2,210,425	2,489,438
Penghutang pajakan	-	56,700	56,700
<u>Aliran tunai dari aktiviti pembiayaan</u>			
Bayaran balik pajakan kewangan	<u>-</u>	<u>(59,171)</u>	<u>(59,171)</u>

AWQAF HOLDINGS BERHAD
(Ditubuhkan di Malaysia)

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

32. PELARASAN PERBANDINGAN (SAMBUNGAN)

Syarikat [REDACTED]	31.12.2019		
	Seperti dinyatakan sebelum	Kesan perubahan	Seperti dinyatakan semula
	RM	RM	RM
<u>Penyata kedudukan kewangan</u>			
Liabiliti pajakan	-	1,440	1,440
<u>Penyata pendapatan komprehensif</u>			
Kos pembiayaan ke atas liabiliti pajakan	-	(1,440)	(1,440)

33. KOMITMEN

Anak syarikat telah menandatangani perjanjian pada 31 Mei 2021 dengan pihak ketiga berkenaan dengan kawalan operasi sebuah sekolah swasta. Di bawah perjanjian ini, Anak syarikat akan membayar pada kadar RM130 untuk setiap pelajar dan bayaran minima berjumlah RM18,200 sebulan. Jumlah bayaran ini selama sembilan tahun tidak akan kurang dari RM3,200,000. Kadar bayaran untuk setiap pelajar yang tersebut di atas adalah tertakluk kepada kajian semula dan persetujuan kedua-dua pihak.

34. MAKLUMAT PERBANDINGAN

Tiada angka perbandingan bagi Kumpulan dibentangkan disebabkan ini adalah penyata kewangan Kumpulan yang pertama.